

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
22 JUN 2017**

1. BIL CUKAI TAKSIRAN PENGGAL KEDUA 2017

Sukacita saya memaklumkan bahawa Bil Cukai Taksiran Penggal Kedua 2017 akan mula diterima oleh pemilik premis di Seberang Perai secara berperingkat mulai **19 Jun 2017** dan pembayaran perlu dibuat selewat-lewatnya **31 Ogos 2017**.

Samakan bil serta pembayaran cukai taksiran boleh dibuat di Kaunter Bayaran MPSP di Bandar Perda, Kaunter Cawangan MPSP di Kg. Jawa, Butterworth dan Kaunter Cawangan MPSP di Jawi.

Pembayar cukai juga boleh membuat bayaran melalui laman web MPSP, laman web Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta agen-agen yang sah dilantik oleh MPSP.

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila menghubungi di talian 04-5497470 / 471 / 468 / 696 / 697 / 790 / 891 atau e-mel ke waran@mpsp.gov.my.

2. MPSP TELAH MEMENANGI ANUGERAH SILVER AWARD DALAM KATEGORI “DIGITAL INCLUSION” OLEH THE WORLD e GOVERNMENT (WeGO)

Sukacita dimaklumkan bahawa MPSP telah memenangi *Silver Award* dalam kategori “Digital Inclusion” untuk *3rd WeGO Smart Sustainable City Awards melalui Smart Monitoring System 2.0 (SMS2.0)*. *Silver Award* ini akan diserahkan semasa *4th WeGO General Assembly* di Ulyanovsk Region, Russia yang akan berlangsung pada 27 hingga 30 Jun 2017. Ini adalah merupakan Anugerah kedua yang diperolehi oleh MPSP di peringkat global / antarabangsa.

3. PEMBUKAAN KAUNTER BERPUSAT PADA HARI SABTU & AHAD SEMPENA BULAN JULAI DAN OGOS 2017

Dimaklumkan bahawa perkhidmatan Kaunter Berpusat, MPSP akan dibuka pada hari Sabtu dan Ahad sempena bulan bayaran cukai taksiran Majlis Perbandaran Seberang Perai sepanjang bulan Julai & Ogos 2017. Perkhidmatan Kaunter Berpusat akan beroperasi seperti ketetapan berikut :

HARI	WAKTU OPERASI	TEMPAT
Sabtu	8.30 pagi – 12.30 tengahari	Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat Bandar Perda
Ahad	8.30 pagi – 12.30 tengahari	Kaunter Berpusat, Ibu Pejabat Bandar Perda
<p>KAUNTER DITUTUP PADA HARI CUTI UMUM DAN PADA 26 & 27 JUN 2017 (ISNIN & SELASA) SEMPENA SAMBUTAN PERAYAAN HARI RAYA AIDILFITRI</p>		

Pembukaan perkhidmatan kaunter ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan stakeholder bagi membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua khasnya dan bayaran lain perkhidmatan MPSP. Kaunter Berpusat juga akan melanjutkan masa operasi kepada pembayar cukai sehingga 8.30 malam pada 30 Ogos 2017 (Rabu)

4. JADUAL TAMBAHAN KUTIPAN SAMPAH SEMPENA AIDILFITRI 2017

Adalah dimaklumkan bahawa jadual kutipan sampah bagi seluruh Seberang Perai akan mengalami sedikit perubahan sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri 2017. Perubahan jadual tambahan kutipan akan berlaku pada 24 dan 25 Jun 2017 dengan ketetapan berikut:

i. 24 Jun 2017 (Sabtu):

Kutipan sampah domestik akan dibuat sebanyak dua (2) kali iaitu pada;

- Syif pertama dari 7.00 pagi hingga 4.00 petang. Kutipan akan dibuat mengikut jadual biasa iaitu kutipan dari rumah ke rumah (Skim Perumahan) dan juga tong komunal beserta RORO (Jadual B & C).
- Syif tambahan kedua dari 5.00 petang hingga 12.00 malam. Kutipan akan dibuat di tong komunal dan RORO sahaja.

Bagi mana-mana individu yang hendak melupuskan sampah pukal, sila pastikan ianya diletakkan berhampiran tong CU atau tong MGB yang terdapat di tepi-tepi jalan utama agar kutipan dapat dijalankan mengikut jadual.

(Sila rujuk Ringkasan Jadual Kutipan Sampah Sempena Aidilfitri 2017 di bawah)

ii. 25 Jun 2017 (Ahad – Hari Raya Pertama) :

Kutipan sampah domestik akan dimulakan mulai jam **1.00 petang hingga 10.00 malam**. Perubahan waktu kutipan ini bagi memberi ruang kepada pekerja yang beragama Islam samada di MPSP, Stesen Pemindahan Ampang Jajar dan Tapak Pelupusan Pulau Burung untuk menunaikan Solat Hari Raya Aidil Fitri.

Ringkasan Jadual Kutipan Sampah Sempena Aidilfitri 2017

Tarikh	Waktu	Catatan
24.06.2017 (Sabtu)	7.00 pagi - 4.00 petang	Jadual Biasa (Jadual B & C)
	5.00 petang – 12.00 malam	Jadual Tambahan (Kutipan dari tong komunal dan RORO sahaja)
25.06.2017 (Ahad)	1.00 petang – 10.00 malam	Jadual Pindaan (Jadual C – Kutipan dari tong komunal dan RORO sahaja)
26.06.2017 (Isnin)	7.00 pagi – 4.00 petang	Jadual Biasa (Jadual A & C)

Nota : Jadual A : Isnin, Rabu, Jumaat

Jadual B : Selasa, Khamis, Sabtu

Jadual C : Setiap Hari (Tong komunal dan RORO)

Senarai Pegawai Bertugas:

En Muhammad Aidil Bin Samsuri : 019-4451764
Puan Rajeswary a/p Subramani : 011-12192708

KAWASAN	NAMA PEGAWAI	NO.TELEFON
Depoh Kepala Batas	En Mohd Fadzil Bin Mohamed PKAK Mohd Tahir Bin Othman PP Mohd Afiq Bin kamal	013-4356007 012-4740526 017-4887004
Depoh Tasek Gelugor	PPKP Rajeswary A/P Subramani PP Mohd Aslahusni Bin Ahmad PP Hafizah Binti Mohamad Sukri	011-12192708 017-9694063 013-3001705
Depoh Bagan	PPKP Siti Nur Azani Bt Azizan PKA Zaini Binti Abd Rashid PP Siti Aminah Binti Ahmad	019-2593317 019-4506946 012-5634564
Depoh Permatang Pauh	PKAK Mohd Fauzi Bin Johari PP Nornadiah Binti Rasiad PP Sakirah Binti Md Hassan	017-4669306 019-5597890 017-4595008
Depoh Berapit	PKAK Murugiah a/l Muniandy PP Vishalini A/P Suppiah PP Baharudin Bin Mansor	012-4984545 016-4114045 012-5650696
Depoh Jalan Betik	PPKP Fatin Thaniah Bt Ramli PKAK Mohd Awaludin Bin Mustafa PP Mohd Nazlan Bin Ahmad	013-4801949 012-4677354 019-4215027
Depoh Inderawasih	PKAK Mohd Sabri Bin Mohd Sidik PKA Muhammad Razizi Bin Hassan PP Mohd Anas Bin Muslim	012-4740535 011-24135334 011-24185607
Depoh Asas Murni	PPKP Norshahada Bt Ramli PKAK Azhar Bin Abu Bakar PP Thilageswary	013-2648642 012-4740507 016-4718409
Depo Jawi	PKAK Ho Kun Thong PKA Sundram A/L Vegadeson PP Sugan A/L Ravandar	019-4528583 019-4247689 010-4644758

5. DRAMA "AKU PEMANDU LORI SAMPAH - AKU TAK KISAH"

Drama "AKU PEMANDU LORI SAMPAH - AKU TAK KISAH" adalah sebuah filem sebenar yang berunsur nasihat dan memupuk semangat bekerja. Skrip yang ditulis serta diarahkan sendiri oleh kakitangan Unit Pelancongan, Seni Dan Warisan, Majlis Perbandaran Seberang Perai ini turut dibintangi oleh beberapa orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran dan keluarga seorang kakitangan yang memegang watak utama. Drama yang berdurasi bawah 60 minit ini dijangka akan ditayangkan menerusi facebook MPSP, laman media sosial Unit Pelancongan, Seni dan Warisan, Majlis Perbandaran Seberang Perai dan akan dimuat naik dalam YouTube pada malam Hari Raya Aidilfitri 2017 ini.

Plot filem ini dibuka pada era millenium dengan watak seorang pemandu lori yang bernama Ahmad (Mohd Aziz Bin Abdullah) yang mengisahkan tentang kehidupannya sebagai seorang pemandu lori sampah MPSP yang menjalankan kerja-kerja kutipan sampah bersama rakan-rakan setugasnya di Jabatan Perkhidmatan Perbandaran.

Pelbagai slot yang memaparkan kisah suka duka sebagai pemandu lori sampah itu diselitkan dengan adegan jenaka yang secara tidak langsungnya dapat mencuit hati para penonton selain memaparkan cerita-cerita yang berunsur nasihat yang dapat memberi kesedaran kepada masyarakat untuk menjaga kebersihan.

Drama ini juga mengandungi unsur-unsur nasihat kepada penduduk Seberang Perai untuk membuat pengasingan sisa di punca dan menjadikan tanggungjawab pengasingan sisa di punca sebagai satu ibadah dan juga budaya kepada kita.

6. SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDILFITRI

Kesempatan ini, saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin kepada semua umat Islam yang akan disambut pada 25 dan 26 Jun 2017 (Ahad dan Isnin). Saya berharap agar warga Seberang Perai dan semua kakitangan Majlis Perbandaran Seberang Perai berhati-hati semasa memandu kenderaan pulang ke kampung halaman, patuhi peraturan dan waktu perjalanan yang telah ditetapkan oleh PLUS bagi mengelakkan kesesakan lalulintas. Selamat bercuti

dan pastikan rumah kediaman dikunci dengan sempurna bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku.

7. HARI ULANG TAHUN PERISYTIHARAN TAPAK WARISAN DUNIA GEORGE TOWN

Dimaklumkan Hari Ulangtahun Pengisytiharan George Town Sebagai Tapak Warisan Dunia jatuh pada 7 Julai 2017 (Jumaat). Maka, hari tersebut adalah merupakan hari cuti umum bagi Negeri Pulau Pinang.

8. MPSP PAGI BEBAS KENDERAAN @ SEBERANG PERAI

Sukacita dimaklumkan bahawa Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai (*MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai*) akan diadakan pada 2 Julai 2017 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya. Oleh itu, jalan ini akan ditutup untuk tujuan tersebut mulai jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

9. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan bahawa program sihat iaitu Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Jalan Todak 2 dan Jalan Todak 3, Seberang Jaya pada 2 Julai 2017 (Ahad) sempena Program MPSP Pagi Bebas Kenderaan @ Seberang Perai. Program Senamrobik Bersama MPSP di Taman Tugu Kota Demokrasi, Bagan akan diadakan pada 16 Julai 2017 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal yang dijadualkan 23 Julai 2017 (Ahad) adalah dibatalkan. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

SEKIAN, TERIMA KASIH.